

KAJIAN PENERIMAAN MOTIF BURUNG
PADA BATIK BLOK.

OLEH

HARZIANA GHAZALI

97345318

KURSUS SENIREKA TEKSTIL
SARJANA MUDA SENI LUKIS DAN SENIREKA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS KELANTAN.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
SENARAI GAMBAR	i
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS	vi
BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	4
1.2.1 Jenis-jenis Batik	6
1.2.2 Cara-cara Memproses Batik	7
1.2.3 Peralatan Batik Blok	9
1.2.4 Jenis-jenis Kain Sarong	11
1.2.5 Corak-corak Batik Sarong, Kaedah Batik Blok	12
1.2.6 Perbezaan Di Antara Sarang	16
1.2.7 Proses Mambatik	18
1.3 PERMASALAHAN	32
1.4 KEPENTINGAN KAJIAN	33
1.5 SOALAN KAJIAN	35
1.6 HIPOTESIS	35
1.7 SKOP KAJIAN	36
1.8 DEFINASI	38
1.8.1 Blok	38

SENARAI GAMBAR

TAJUK	MUKA SURAT
1. GAMBAR 1 : Proses menerap.	21
2. GAMBAR 2 : Blok	21
3. GAMBAR 3 : Sarang Memutih	22
4. GAMBAR 4 : Sarang Kepala	22
5. GAMBAR 5 : Sarang Rintik	23
6. GAMBAR 6 : Sarang Gunung	23
7. GAMBAR 7: Sarang Tubuh.	24
8. GAMBAR 8: Sarang Tutup Bunga.	24
9. GAMBAR 9 : Sarang Tutup Tanah.	25
10. GAMBAR 10 : Sarang Tepi	25
11. GAMBAR 11: Kain Sarong Bermotifkan Burung merak.	26
12. GAMBAR 12 : Kain Sarong Bermotifkan Burung Yang Lebih Fokus Kepada Sayap Burung.	26
13. GAMBAR 13 : Kain Sarong Bermotifkan Burung Secara Realistik Di Mana Ia Digabungkan Dengan Motif Flora.	27
14. GAMBAR 14 : Kain Sarong Yang Difokuskan Kepada Bahagian Sayap Sahaja Sebagai Motifnya	27
15. GAMBAR 15 : Kain Sarong Bermotifkan Burung.	28

PENGHARGAAN.

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya dapat juga saya menyiapkan kajian ini dengan sepenuhnya.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Tuan Haji Dahuri Idris selaku Koordinator Fakulti Senilukis dan Senireka, En. Md. Sabri Mohammad selaku penasihat saya yang telah banyak membantu sepanjang proses penghasilan tesis ini serta pensyarah – pensyarah yang lain.

Kepada pihak-pihak yang turut sama terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung, hanya tanda ucapan terima kasih sahaja yang mampu dihulurkan. Antaranya pihak Muzium Negeri Terengganu, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam, Perpustakaan Negeri Pulau Pinang, Perpustakaan Seberang Jaya, Perpustakaan Kota Bharu, Perpustakaan UiTM Machang, Syarikat Razali Batik, Perbadanan Kraftangan Mulong, peniaga sekitar Jalan Pantai Cahaya Bulan, Bazaar, sampel-sampel serta pihak-pihak yang turut sama membantu.

Kepada pihak yang banyak membantu, tiada apa yang dapat di balas sebagai tanda ucapan terima kasih dan di doakan semoga sentiasa dirahmati Allah selalu. Ucapan ini ditujukan khas buat ayahanda dan bonda yang sentiasa dihormati dan diingati selalu, En. Ghazali Bin Md. Isa serta Pn. Khalijah Zakaria serta keluarga yang sentiasa menghulurkan doa dan nasihat. Insyallah segala nasihat dan dorongan akan diingati selalu. *Sesungguhnya kesejahteraan hidup seorang anak itu bermula dari doa kedua-dua ibubapanya.* Buat rakan-

Seni membatik merupakan satu lagi seni warisan masyarakat Melayu khususnya dan kepada Malaysia secara amnya. Warisan ini haruslah sentiasa di jaga dan dipelihara agar ianya "tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas".

Sebagai bangsa yang sentiasa menjaga dan menagungkan warisan bangsa, kita haruslah sentiasa menjaga dan mengekalkannya agar ia tidak lupus ditelan zaman. Atas dasar ini, pengkaji mengambil inisiatif ini untuk membincangkan beberapa persoalan tentang seni batik ini. Tajuk yang diperbincangkan ini adalah 'Kajian Penerimaan Motif Burung Pada Batik Blok'. Di sini beberapa perkara akan diperbincangkan dengan tujuan untuk mengetahui dan menilai sejauh manakah tahap penerimaan masyarakat terhadap motif burung ini. Setiap motif yang dihasilkan mempunyai kepentingan dan keunikannya yang tersendiri dan setiap pembeli mempunyai citarasa mereka yang tersendiri.

Oleh yang demikian, untuk mendapatkan hasil ataupun keputusan pengkaji telah menjalankan soal selidik yang dijalankan terhadap penduduk negeri Kelantan ini. Melalui kaedah tersebut, pengkaji telah mengedarkan borang-borang kaji selidik untuk menilai pendapat dari penduduk negeri Kelantan yang merangkumi pelbagai peringkat seperti pengusaha batik, pereka, peniaga dan seterusnya para pembeli yang merupakan pihak yang menentukan sejauh manakah penerimaan motif burung ini.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerimaan motif burung ini adalah kurang diterima oleh penduduk negeri Kelantan dan motif bunga (flora) lebih mendapat sambutan.